

KANTA LEKAP

Bukan Sekadar Cantik

Majlis Optik Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia



MAJLIS OPTIK MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Apakah itu Kanta Lepak?


Kanta lekap adalah kepingan seakan plastik nipis dan melengkung yang dilekapkan terus ke kornea mata. Kanta lekap adalah alternatif kepada penggunaan cermin mata untuk memperbaiki penglihatan seseorang yang rabun dan boleh juga digunakan untuk tujuan terapeutik dan kosmetik.

Adakah penggunaan Kanta Lepak selamat?

Ya, kanta lekap selamat digunakan dengan syarat, ia mestilah didapati dari pengamal optometri berdaftar. Pengamal optometri berdaftar akan menjalankan pemeriksaan mata yang komprehensif ke atas semua individu yang berhasrat untuk memakai kanta lekap termasuklah kanta lekap berwarna tanpa kuasa bagi menentukan samada seseorang itu sesuai/layak menggunakan kanta lekap. Pengamal optometri berdaftar juga akan melakukan pemeriksaan lanjutan secara berkala selepas pemakaian bagi memantau tahap kesihatan mata pengguna dan kebersihan kanta.

Siapa yang mendapat faedah dari pemakaian kanta lekap?

- Pesakit yang mempunyai masalah kornea seperti keratoconus.
- Pesakit Albino bagi mengurangkan silau.
- Pesakit yang mempunyai kuasa cermin mata yang sangat tinggi.
- Individu yang ingin menyembunyikan cela atau parut pada mata.




Siapa yang tidak patut memakai kanta lekap?

- Individu yang menghidap masalah mata seperti jangkitan kuman dan mata kering.
- Individu yang bekerja di persekitaran yang berhabuk atau terdedah pada bahan kimia.
- Individu yang matanya tidak boleh berkelip rapat.
- Pesakit diabetes, HIV atau penyakit berjangkit lain.

Komplikasi akibat tidak mematuhi aturan pemakaian kanta lekap

Jangkitan kuman yang dipanggil ulser boleh berlaku pada lapisan kornea dan boleh mengakibatkan kebutaan kekal. Komplikasi lain adalah seperti :



DAPATKAN RAWATAN DARI PAKAR MATA DENGAN SEGERA SEKIRANYA MATA MENJADI MERAH, SAKIT ATAU KABUR TIBA-TIBA SEMASA MENGGUNAKAN KANTA LEKAP. RAWATAN AWAL BOLEH MENCEGAH KEBUTAAN.

PESANAN KEPADA SEMUA PENGGUNA KANTA LEKAP

- ▶ Hanya membeli kanta lekap dari pengamal optometri berkelayakan sahaja.
- ▶ Tepati semua temujanji dan minta nasihat dari pengamal optometri mengenai kanta lekap anda.
- ▶ Elakkan dari memakai kanta lekap di kawasan yang berisiko tinggi bagi mengelakkan kanta lekap tercemar.
- ▶ Sentiasa menjaga kebersihan sepanjang pemakaian kanta lekap terutamanya kebersihan tangan dan tempat simpanan kanta lekap anda



Cuci bekas simpanan setiap minggu.



Basuh tangan sebelum mengendalikan kanta sentuh.




Buang larutan disinfeksi yang telah digunakan.



Kuku sentiasa pendek dan bersih.




Gunakan goggle semasa berenang



Dapatkan rawatan jika ada :
kemerahan,
iritasi,
penglihatan kabur ,
sensitif kepada cahaya,
airmata berlebihan
selepas kanta lekap dikeluarkan.

PESANAN KEPADA SEMUA PENGGUNA KANTA LEKAP


- ▶ Jangan berkongsi kanta lekap
- ▶ Jangan sekali-kali memakai kanta lekap melebihi waktu yang disarankan
- ▶ Gunakan larutan pembersih kanta lekap yang disarankan.



Pakai kanta lekap yang koyak



Simpan kanta lekap ke dalam bekas yang kotor



Pakai kanta lekap yang kotor



Cuci kanta lekap dengan air paip / air liur



Pakai kanta lekap semasa sakit mata



Gosok mata dengan kuat semasa memakai kanta lekap.



Tidur dengan kanta lekap

BAGAIMANA MENGENALPASTI PENGAMAL OPTOMETRI (JURUOPTIK ATAU OPTOMETRIS BERDAFTAR) DI MALAYSIA

Adalah menjadi tanggungjawab pengguna untuk memastikan pengamal mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Penuh dan Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan sebelum mendapatkan perkhidmatan kanta lekap. Berikut adalah ciri-ciri yang perlu diketahui oleh pengguna:

	Optometris Berdaftar	Juruoptik Berdaftar
Pengamal Optometri	Optometris yang berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia dan merupakan pemegang IJAZAH dalam bidang Optometri, yang berkelayakan untuk menjalankan pemeriksaan mata komprehensif termasuklah mempreskripsi, mendispens dan menjual kanta lekap.	Juruoptik yang berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia yang merupakan pemegang DIPLOMA atau SIJIL dalam bidang optometri/pendispensan optik atau mempunyai pengalaman dalam bidang optometri yang berkelayakan untuk menjalankan pemeriksaan mata.
Sijil Perakuan Pendaftaran Penuh	Berwarna hijau	Berwarna biru
	Setiap pengamal optometri perlu berdaftar di Majlis Optik Malaysia sebelum menjalankan amalan optometri.	
Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan (APC)	Berwarna hijau	Berwarna biru
	Perlu diperbaharui oleh setiap pengamal berdaftar setiap tahun.	
Sijil Kebenaran Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lepak (Permit Kanta Lepak)	SEMUA Optometris Berdaftar boleh menjalankan amalan kanta lekap. Tidak memerlukan Permit Kanta Lepak	SEBAHAGIAN sahaja Juruoptik Berdaftar yang boleh menjalankan amalan kanta lekap (Hanya yang mempunyai Permit Kanta Lepak sahaja boleh menjalankan amalan kanta lekap). Sijil berwarna Merah Jambu (dikenali sebagai Pink Cert).

CONTOH SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN PENUH

BUKANG 4
(Pasukan 25)
AKSI OPTIK 1991
(Subsektor 2044)

PERATURAN-PERATURAN OPTIK 1994

PERAKUAN PENDAFTARAN PENUH OPTOMETRIS

No. Perakuan Pendaftaran Penuh: O-XXXX

ADALAH DENGAN INI DIPERAKUI bahawa XXXX
(ICP: 889458.00 8999)

yang berdaftar di XXXX

mempunyai kelulusan XXXX
(XXXX)

telah pada hari ini ditafirlkan sebagai seorang optometris berdaftar di bawah subsektor 19(1)(2) Aksi Optik 1991 bertaklik kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Menteri seperti berikut:

Tarikh: _____
Pendaftar: _____

Fee sebanyak RM100.00 telah dibayar oleh resit No. XXXXXXX berbilang XXXXXXX

AKSI OPTIK 1991

◀ Sijil Perakuan Pendaftaran Penuh Optometris

▶ Sijil Perakuan Pendaftaran Penuh Juruoptik

BUKANG 4
(Pasukan 25)
AKSI OPTIK 1991
(Subsektor 2044)

PERATURAN-PERATURAN OPTIK 1994

PERAKUAN PENDAFTARAN PENUH JURUOPTIK

No. Perakuan Pendaftaran Penuh: J-XXXX

ADALAH DENGAN INI DIPERAKUI bahawa XXXX
(ICP: 889458.00 8999)

yang berdaftar di XXXX

telah pada hari ini ditafirlkan sebagai seorang juruoptik berdaftar di bawah subsektor 19(1)(2) Aksi Optik 1991 bertaklik kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Menteri seperti berikut:

Tarikh: _____
Pendaftar: _____

Fee sebanyak RM100.00 telah dibayar oleh resit No. XXXXXXX berbilang XXXXXXX

AKSI OPTIK 1991

CONTOH SIJIL PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN OPTOMETRIS

MAJLIS OPTIK MALAYSIA
Borang 15
Peraturan 22 PERATURAN – PERATURAN OPTIK 1994
Subseksyen 32(2) AKTA OPTIK 1991

**PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN BAGI OPTOMETRIS
TAHUN 20XX**

INI ADALAH UNTUK MEMPERAKUI BAHAWA;

Nama	: XXXXX
No. Kad Pengenalan/Passport	: XXXXX
No. Perakuan Pendaftaran Penuh	: O-XXXX
No. Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan	: XXXX/XXXX

Adalah seorang optometris berdaftar dan dibenarkan untuk menjalankan amalan sebagai optometris tertakluk kepada syarat – syarat berikut :
selama tempoh bermula dari 01 Januari 8888 dan berakhir pada 31 Disember 8888 di;

a) XXXXXXXX

iaitu tempat amalan utama dan di tempat – tempat amalan lain :

b) XXXXXXXX

c) XXXXXXXX

d) XXXXXXXX

Tarikh : 04 Disember 8888

Fi sebanyak RM 50.00 telah dibayar
Resit No. 888888888888 bertarikh 04 Disember 8888

Pendaftar

◀ Gambar terkini pengamal

◀ Maklumat pengamal

◀ Tempoh pengamalan

◀ Alamat tempat amalan

Setiap pengamal hanya dibenarkan untuk menjalankan amalan di tempat amalan yang tersenarai dalam APC tahun semasa sahaja

APC perlu diperbaharui oleh pengamal berdaftar setiap tahun

CONTOH SIJIL PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN JURUOPTIK

MAJLIS OPTIK MALAYSIA
Borang 14
Peraturan 22 PERATURAN – PERATURAN OPTIK 1994
Subseksyen 32(2) AKTA OPTIK 1991

**PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN BAGI JURUOPTIK
TAHUN 20XX**

INI ADALAH (INTUK MEMPERAKUI BAHAWA;

Nama	: XXXXX
No. Kad Pengenalan/Passport	: XXXXX
No. Perakuan Pendaftaran Penuh	: J-XXXX
No. Kebenaran Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lepak	: KL-XXXX
No. Sijil Perakuan Pengamalan Tahunan	: XXXX/XXXX

Adalah seorang juruoptik berdaftar dan dibenarkan untuk menjalankan amalan sebagai juruoptik, tertakluk kepada syarat – syarat berikut : _____
selama tempoh bermula dari 01 Januari 8888 dan berakhir pada 31 Disember 8888 di:

a) XXXXXXXX

iaitu tempat amalan utama dan di tempat – tempat amalan lain :

b) XXXXXXXX

c) XXXXXXXX

d) XXXXXXXX

Tarikh : 04 Disember 8888

Fi sebanyak RM 50.00 telah dibayar.
Resit No: 8888888888 bertarikh 04 Disember 8888

.....
Pendaftar

◀ Gambar terkini pengamal

◀ Maklumat pengamal


◀ Tempoh pengamalan

◀ Alamat tempat amalan

Setiap pengamal hanya dibenarkan untuk menjalankan amalan di tempat amalan yang tersenarai dalam APC tahun semasa sahaja

APC perlu diperbaharui oleh pengamal berdaftar setiap tahun

CONTOH SIJIL KEBENARAN MEMPRESKRIPSI DAN MENDISPENS KANTA LEKAP (PINK CERTIFICATE)



◀ No. Perakuan Pendaftaran Penuh & No.Sijil Kebenaran Mempreskripsi Dan Mendispens Kanta Lekap

◀ Nama Pengamal
No. Kad Pengenalan


◀ Alamat tempat amalan
Setiap pengamal hanya dibenarkan untuk menjalankan amalan di tempat amalan yang tersenarai sahaja.

◀ *Sijil Kebenaran Mempreskripsi Dan Mendispens Kanta Lekap (Sebelum 14 Ogos 2017)*

▶ No. Perakuan Pendaftaran Penuh & No.Sijil Kebenaran Mempreskripsi Dan Mendispens Kanta Lekap

▶ Nama pengamal, No. kad pengenalan & Alamat tempat tinggal

▶ *Sijil Kebenaran Mempreskripsi Dan Mendispens Kanta Lekap (Selepas 14 Ogos 2017)*



▶

▶

▶

Preskripsi dan Penjualan Kanta Lepak di Malaysia

Di Malaysia, preskripsi dan penjualan kanta lekap adalah tertakluk di bawah Akta Optik 1991. Amalan preskripsi, dispensari dan penjualan kanta lekap kepada pengguna dijalankan oleh dua profesyen utama iaitu:

▶ Optometris Berdaftar	▶ Juruoptik Berdaftar dengan Permit Kanta Lepak
<p>SEMUA Optometris Berdaftar boleh mempreskripsi, mendispens dan menjual kanta lekap (tidak memerlukan Permit Kanta Lepak).</p>	<p>Hanya SEBAHAGIAN sahaja daripada Juruoptik boleh mempreskripsi, mendispens dan menjual kanta lekap kepada pengguna</p> <p>Mereka adalah Juruoptik Berdaftar dengan Majlis Optik Malaysia yang telah diberi Sijil Kebenaran Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lepak (Permit Kanta Lepak).</p>



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA
MAJLIS OPTIK MALAYSIA
MALAYSIAN OPTICAL COUNCIL
ARAS 2, BLOK E1, PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62580 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8883 1396
03-8883 1390
03-8883 1394
03-8883 1393
03-8883 6003
Fax : 03-8883 1432
E-Mail : moc@meh.gov.my



Rujukan kami : KKMS7/A7/1/3 JLD 2 (17)
Tarikh : 11 Ogos 2015

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

LARANGAN MENJUAL KANTA LEKAP DI PREMIS BUKAN OPTIKAL

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa penjualan kanta lekap secara terbuka kepada orang awam tanpa menjalankan pemeriksaan mata boleh menyebabkan komplikasi kepada pengguna kanta lekap tersebut, seterusnya boleh mengakibatkan kebutaan. Majlis Optik Malaysia mendapati terdapat beberapa pihak yang menjalankan aktiviti penjualan tersebut kepada orang awam.

3. Di bawah Seksyen 36(1) Akta Optik 1991, tiada seorang pun boleh menjual apa-apa alat optik melainkan jika jualan itu dilaksanakan oleh atau dibawah penyeliaan seorang pengamal perubatan atau seorang yang berdaftar. Oleh yang demikian, adalah menjadi suatu kesalahan sekiranya dilakukan terutamanya di premis yang tiada pengamal optometri berdaftar.

4. Majlis Optik Malaysia amat memandang serius perkara ini dan berharap pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan tidak menjadi penyumbang kepada statistik kebutaan yang disebabkan oleh kanta lekap di Malaysia. Sehubungan itu, penjualan kanta lekap tanpa pengawasan dari pengamal optometri berdaftar di premis bukan optikal adalah dilarang sama sekali. Segala kerjasama dari YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang ikhlas,


(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

Pengerusi Majlis Optik Malaysia @ Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia



Surat Larangan Menjual Kanta Lepak di Premis Bukan Optik
dari Pengerusi Majlis Optik Malaysia @ Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Setiap individu yang berhasrat untuk memakai kanta lekap perlu mendapatkan pemeriksaan mata dan kanta lekap dari pengamal optometri yang berdaftar sahaja.

Penjualan kanta lekap melalui internet, pasar malam, kedai serbaneka, butik andaman atau oleh mana-mana orang perseorangan yang bukan pengamal optometri yang berkelayakan untuk menjual kanta lekap adalah tidak dibenarkan.



Untuk Maklumat Lanjut
Sila Hubungi :

MAJLIS OPTIK MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
ARAS 2, BLOK E1, PARCELE,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA

Tel : 03-8883 1396
Faks : 03 8883 1432
Emel : moc@moh.gov.my